



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 59  
Bil. 19

**14hb September 2006**

*TAMBAHAN  
No. 1*

---

---

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 1323.**

((Subseksyen 62(1))

((Subsection 62(1))

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR  
PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya melalui Pemberitahuan Bil. 807 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 5 Ogos 1993, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], telah mengisytiharkan bahagian tanah yang terletak di Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan Hasil Ukur No. 58131 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak sebagai rizab bagi maksud suatu tapak untuk Pusat Pemulihan Penagih-Penagih Dadah yang akan diselenggarakan oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Perak dan dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak:

Dan bahawasanya adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun

itu, mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam satu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh pada 12 Oktober 2006 jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari.

## JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—58131. No. Lot—70067. Luas—8.025 hektar.

Bertarikh 15 Ogos 2006

[PTG.Pk. 239/7-12(C); PTK (I) 3/39/74;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 6]

HASIM BIN HASAN

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*

*Perak Darul Ridzuan*

Whereas by Notification No. 807 published in the State of Perak Government *Gazette* on 5 August 1993, the State Authority in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the Land Code [*Act 56 of 1965*], proclaimed that the parcel of land situated in Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 58131 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak to be reserve for the purpose of a Rehabilitation Centre for Drug Addicts to be maintained by the Director of Social Welfare and controlled by the State Secretary of Perak:

And whereas it now appears expedient to the State Authority that the an foresaid reservation should be revoked as described in the Schedule:

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke the reservation described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of Kinta, Ipoh on 12 October 2006 at 8.00 a.m. to 1.00 p.m.

---

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—58131. Lot No.—70067. Area—  
8.025 hectares.

Dated 15 August 2006

[PTG.Pk. 239/7-12(C); PTK (I) 3/39/74;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 6]

HASIM BIN HASAN

*Secretary*

*State Executive Council*

*Perak Darul Ridzuan*

Hakcipta Pencetak<sup>(H)</sup>

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA